

Nasional

22 program KKDW bakal lonjak ekonomi luar bandar

Empat tumpuan utama, inisiatif mampu bantu tingkat taraf hidup rakyat

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan melaksanakan 22 program meliputi pembangunan kemudahan dan modal insan, dalam usaha melonjakkan ekonomi luar bandar.

Melalui 22 program berkenaan, empat tumpuan utama digariskan, iaitu prasarana luar bandar, program modal insan, keusahawanan dan ekonomi.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata inisiatif 'quick win' dan 'game changer' itu antara lain menyasarkan untuk merapatkan jurang antara luar bandar dan bandar serta pinggir bandar.

"Ia juga bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan bagi menyekat migrasi penduduk luar bandar ke bandar. Bagi memastikan semua program mencapai sasaran, satu pasukan petugas akan diwujudkan, dipengerusikan Ketua Setiausaha KKDW, Datuk Seri Ramlan Harun.

"Kita tahu Kementerian ini diberikan bajet antara yang terbesar dan ukuran terhadap kepuasan dilihat dari segi hasil dan keputusan, namun kita ambil langkah ke hadapan (dengan



Ahmad Zahid bersama Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang hadir pada bengkel hala tuju strategik Kementerian Pembangunan Desa dan Wilayah di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

turut meneliti) keberkesanan program yang dilaksanakan," katanya

Menjelaskan demikian pada sidang media bengkel dan hala tuju strategik KKDW, di sini semalam, Ahmad Zahid berkata, kerajaan berhasrat merapatkan jurang di antara luar bandar dan bandar atau pinggir bandar.

"Kita juga berhasrat supaya tidak berlaku migrasi atau perpindahan, terutama secara mobiliti sosial horizontal kerana tiada banyak peluang pekerjaan dan perniagaan di luar bandar. Maka kita mesti wujudkan peluang itu untuk menjadikan penduduk luar bandar sebagai usahawan.

"Kita mesti turut melaksanakan beberapa perubahan lain dengan menggunakan tenaga tempatan untuk majukan luar bandar. Kita nak orang luar bandar sendiri yang majukan luar bandar, manakala Kementerian dan agensi menjadi pemudah cara kepada transformasi yang ter-

lah kita mulakan," katanya.

Mengenai inti pati program yang akan dilaksanakan, beliau memaklumkan, KKDW akan fokus kepada Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu dalam bidang teknikal kepada anak desa.

Lahir usahawan inovatif

Selain itu, katanya, Kementerian akan melahirkan usahawan menggunakan sumber tempatan yang bukan tertumpu pada penghasilan produk semata-mata, tapi turut meneroka bidang tertentu seperti pengilang peralatan asal (OEM) serta industri hulu dan hiliran.

"Kita juga menggalakkan swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan korporat untuk bekerjasama dengan kita, terutama bagi meningkatkan penghasilan dalam keselamatan makanan," katanya.

Berhubung pendekatan bagi

menghentikan migrasi penduduk luar bandar ke bandar, Ahmad Zahid berkata, KKDW melihat tiga strategi, iaitu mencipta peluang pekerjaan, mewujudkan industri baharu dan meneroka sebarang peluang baharu di kawasan desa.

Katanya, pendekatan membangunkan ekonomi luar bandar itu terbukti di beberapa negara, yang menjadikan ekonomi luar bandar sebagai tulang belakang ekonomi negara berkenaan.

"Kita juga mentransformasi anak luar bandar untuk memasuki bidang pembaikan dan baik pulih (MRO) penerbangan. MRO mungkin tak boleh bawa ke luar bandar, tapi tak mustahil sistem vendor itu boleh dibuat di luar bandar.

"Kita juga meneliti usaha menghasilkan produk makanan di bawah harga pasaran, antaranya dengan pendekatan menjadi pelengkap kepada industri, berbanding bersaing dengan industri sedia ada," katanya.